

**Abdul Shukor Husin Dan Duta Malaysia Ke Arab Saudi Dilantik Ahli Majlis MEDIU
Bernama
22 Ogos, 2011**

KUALA LUMPUR, 22 Ogos (Bernama) -- Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, Prof Tan Sri Dr Abdul Shukor Husin dan Duta Malaysia ke Arab Saudi Prof Datuk Syed Omar Al-Saggaf dilantik sebagai Ahli Majlis Universiti Antarabangsa Al-Madinah (MEDIU) yang baharu.

MEDIU dalam satu kenyataan di sini berkata pelantikan tersebut disahkan oleh Presidennya, Putra Dr Bandar Salman Al Saud pada mesyuarat tahunan majlis itu pada 16 Ogos lalu di Madinah, Arab Saudi.

Menurut kenyataan itu lagi pelantikan Dr Abdul Shukor adalah bagi menggantikan bekas Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Tan Sri Zulkifli A.Hassan, manakala Syed Omar menggantikan bekas Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Datuk Ismail Ibrahim yang dilantik sebagai Penasihat majlis itu.

Dalam mesyuarat yang berlangsung selama tiga hari itu juga majlis mengekalkan seorang ahli sebelum ini iaitu Imam Masjid Nabawi, Dr Abdul Bari Awwadh Al-Thubaiti, Prof Dr Ashraf Md Hashim Yahaya dan Datuk Dr Mohd Radzi Osman serta juga mengekalkan jawatan rektor MEDIU yang disandang oleh Prof Dr Muhammad Khalifa Al-Tamimi.

-- BERNAMA

2011 Hakcipta BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=609721>